

e-BULETIN HASIL



EDISI 2 / 2023

PERSEDIAAN PELAPORAN CUKAI 2022

SEDIAKAN DOKUMEN TUNTUTAN SEBELUM PENGISIAN BORANG :

- PENYATA PENDAPATAN
- RESIT PEMBELIAN
- PENYATA INSURANS / ZAKAT / DLL



www.hasil.gov.my



facebook.com/LHDNM



[@LHDNMofficial](https://twitter.com/LHDNMofficial)



03-8911 1000

JABATAN KHIDMAT KORPORAT | CORPORATE SERVICES DEPARTMENT

1. TANGGUNGJAWAB MAJIKAN

Majikan berperanan sebagai pemudah cara dalam aspek percukaian pekerja, terutamanya melibatkan Potongan Cukai Bulanan (PCB). Selain itu, majikan turut bertanggungjawab untuk :

- a) Kemukakan :
Penyata oleh majikan (Borang E) bersama C.P.8D sebelum atau pada 31 Mac dalam tahun berikutnya:
 - i) Majikan (syarikat dan syarikat Labuan) adalah wajib mengemukakan Borang E melalui e-Filing (e-E) mulai saraan bagi tahun 2016.
 - ii) Borang E hanya akan dianggap lengkap sekiranya C.P.8D dikemukakan dalam tempoh yang ditetapkan. Majikan yang telah menghantar maklumat melalui e-Data Prais tidak perlu mengisi dan menghantar C.P.8D.
- b) Sediakan dan Serahkan :
 - i) Penyata saraan (Borang EA / EC) berkenaan dengan pekerja tersebut pada atau sebelum hari terakhir bulan Februari dalam tahun berikutnya.
 - ii) Salinan penyata bayaran insentif berbentuk wang tunai dan bukan wang tunai kepada ejen, pengedar atau pengagih (Borang CP58) sebelum atau pada 31 Mac dalam tahun berikutnya.

Tanggungjawab majikan berkaitan percukaian boleh didapati daripada Portal Rasmi HASiL, www.hasil.gov.my > Perkhidmatan > Majikan.

2. CARUMAN PCB OLEH MAJIKAN

Setiap tahun, majikan akan menyediakan Penyata Pendapatan Tahunan Pekerja iaitu Borang EA untuk pekerja swasta dan Borang EC bagi penjawat awam. Pekerja bertanggungjawab untuk memastikan maklumat yang tercatat dalam penyata pendapatan diterima adalah tepat dan teratur.

Bagi caruman Potongan Cukai Bulanan (PCB), pekerja perlu menyemak amaun yang dipaparkan dalam penyata pendapatan tersebut adalah sama dengan jumlah caruman oleh majikan kepada HASiL.

Semakan caruman PCB boleh dibuat dalam sistem e-Lejar yang boleh diakses melalui MyTax, <https://mytax.hasil.gov.my/>

Sekiranya terdapat perbezaan maklumat dalam Borang EA/EC, pekerja disarankan untuk merujuk kepada majikan bagi semakan semula dan pindaan jika berkaitan.

3. e-DATA PRAISI : PRAISI MAKLUMAT SARAAN PEKERJA DALAM E-FILING

e-Data Praisi adalah platform majikan memuat naik maklumat pendapatan pekerja secara dalam talian menggunakan format C.P.8D. Maklumat saraan pekerja yang diterima digunakan bagi tujuan praisi ke dalam e-Borang pekerja (e-BE / e-B / e-BT / e-M / e-MT Tahun Taksiran 2022) bagi memudahkan dan menjimatkan masa pekerja semasa mengemukakan e-Filing. Pindaan maklumat saraan pekerja juga boleh dibuat dengan lebih mudah menggunakan sistem yang sama.

Pengemukakan maklumat saraan pekerja oleh majikan boleh dilakukan melalui portal MyTax di <https://mytax.hasil.gov.my> mulai 1 Januari 2023 sehingga 25 Februari 2023.

4. PENDAFTARAN SEMINAR PERCUKAIAN KEBANGSAAN 2022 DIBUKA SEMULA

Susulan pengumuman kerajaan berhubung pembentangan semula Bajet 2023 pada 24 Februari 2023, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) telah menetapkan tarikh baharu penganjuran Seminar Percukaian Kebangsaan (SPK) 2022 adalah pada 7 Mac 2023 bagi Sesi 1 dan 8 Mac 2023 untuk Sesi 2.

Topik utama yang akan dikupas adalah “Cadangan Bajet 2023” dan “Tadbir Urus Korporat Cukai – Perspektif HASiL”.

SPK merupakan platform kepada pengamal percukaian dan pembayar cukai untuk mendapatkan pemahaman yang lebih jelas berkaitan dengan sebarang pindaan dalam semua akta yang ditadbir oleh HASiL lanjutan pembentangan belanjawan oleh Menteri Kewangan.

Sebarang maklumat lanjut berhubung penyertaan boleh didapati melalui Portal SPK, <https://spk.hasil.gov.my>.

WASPADA DENGAN SCAMMER :

SENTIASA PEKA DENGAN HEBAHAN DAN PEMAKLUMAN YANG DISAMPAIKAN OLEH PIHAK BERKUASA BAGI MENGETAHUI *MODUS OPERANDI* TERKINI YANG DIGUNAKAN OLEH SCAMMER.

BERHATI-HATI DAN JANGAN TERPEDAYA.